



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	7/1/2020	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	SPAN / SAMB			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Muktamad kadar tarif air sebelum April



Adly (tengah) bergambar pada Majlis Perhimpunan Perdana Kerajaan Negeri di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh semalam.

Kerajaan Melaka belum buat sebarang keputusan sama ada kekal atau naik

Oleh NOR FARHANA YAACOB

MELAKA TENGAH

Kerajaan Melaka akan memuktamadkan kadar tarif air di negeri itu sebelum April depan.

Ketua Menteri, Adly Zahari berkata, setakat ini kerajaan negeri belum membuat sebarang keputusan sama ada akan mengekalkan kadar lama atau berlaku kenaikan kerana masih berbincang dengan kerajaan Persekutuan termasuk berkaitan infrastruktur.

“Keputusan akan dilakukan

selepas perbincangan selesai termasuk cadangan kerajaan Persekutuan,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Perhimpunan Perdana Kerajaan Negeri di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh di sini semalam.

Adly berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar sebelum ini yang memaklumkan semua negeri secara dasarnya bersetuju melaksanakan pelarasan kadar tarif air yang dijangka dilaksanakan tahun ini dan memberi jaminan kenaikan yang munasabah serta tidak membebankan pengguna.

Dalam pada itu, Adly berkata, Bahagian Kawal Selia Air (BKSA) dan Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) perlu bekerjasama memikirkan kaedah

terbaik bagi memastikan bekalan air yang mampan selain kaedah menangani masalah gangguan air.

Katanya, kerjasama itu termasuk memastikan tender pembinaan Empangan Air Sungai Jernih di Taboh Naning yang tertangguh lebih empat tahun dapat dimulakan dan projek pembinaan sistem takungan air (ORS) Tasik Biru, Chin Chin dilaksanakan tahun ini.

“Usaha ini berupaya menampung keperluan bekalan air penduduk dengan merencana ORS Tasik Biru dapat menyalurkan bekalan air ke Empangan Durian Tunggal,” katanya.

Terdahulu, hadir sama pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Hasim Hasan dan Exco Perindustrian Perdagangan dan Pelaburan Melaka, Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen.